



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْاَهْوَالِ اِلَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 SAFAR 1447H/ 08 OGOS 2025M

“RUMAH: MADRASAH PERTAMA ANAK KITA”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾ (سُورَةُ التَّحْرِيمِ: 6)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya serta hindarilah segala larangan-Nya. Tumpukanlah sepenuh perhatian pada khutbah minggu ini, dan janganlah sibuk dengan perkara yang lagha seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua dikurniakan rahmat serta reda Allah SWT. Khatib akan menyampaikan khutbah minggu ini yang bertajuk : **“Rumah: Madrasah Pertama Anak Kita”**.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Rumah adalah madrasah pertama bagi seorang anak. Pendidikan yang diterima di rumah sangat penting dalam membentuk akhlak, sahsiah dan pegangan agama mereka. Ibu bapa adalah insan pertama yang menjadi contoh dan pendidik utama kepada anak-anak sebelum guru dan masyarakat. Firman Allah SWT dalam surah at-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا ...

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, jagalah ahli keluargamu daripada api Neraka....”*

Ayat ini menjadi dalil yang jelas bahawa ibu bapa wajib mendidik anak-anak mereka supaya menjadi insan yang beriman dan bertakwa. Pendidikan anak tidak boleh dan tidak patut diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah, pusat asuhan, guru agama atau mana-mana Institusi Pendidikan semata-mata. Apa yang sangat penting difahami oleh kita selaku ibu bapa, bahawa pendidikan awal yang wajib diserapkan di dalam rumah adalah pendidikan iman dan akhlak. Inilah asas utama dalam kehidupan seorang anak-anak. Tanpa iman, hidupnya kosong. Tanpa akhlak, hidupnya akan merosakkan orang lain.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI,

Didiklah anak-anak kita dengan tauhid kepada Allah SWT, cintakan Rasulullah SAW, rasa takut kepada perkara yang mendatangkan dosa, sayangkan ibadah serta hormat kepada orang lain meskipun wujud perbezaan usia antara keduanya. Tanamkan adab sebelum ilmu. Didik hati mereka sebelum diisi dengan pencapaian akademik semata-mata.

Lihatlah bagaimana Nabi Muhammad SAW menjadi suri teladan agung dalam mendidik generasi muda. Baginda Rasulullah SAW menyantuni anak-anak dengan kasih sayang dan penuh hikmah. Baginda tidak pernah mengherdik atau mencaci, malah memberi ruang kepada anak-anak untuk membesar dengan nilai, bukannya tekanan.

Begitu juga perihal para sahabat Baginda yang tidak leka serta lalai dalam mendidik anak-anak. Saiyidina Umar RA terkenal dengan ketegasannya, tetapi tetap menyantuni anak-anak dengan penuh hikmah. Begitu juga

dengan Saiyidina Ali RA telah membahagikan fasa pendidikan anak secara berperingkat melalui ***fasa dimanja, fasa disiplin dan fasa dibimbing.***

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Anak-anak hari ini berhadapan dengan cabaran yang jauh lebih rumit berbanding zaman dahulu. Di sekeliling mereka wujud budaya hedonisme, hiburan melampau, gangsterisme, buli, pergaulan bebas tanpa batas serta ketagihan melampau terhadap gajet dan media sosial.

Ibu bapa wajib menjadi penapis maklumat dan tingkah laku anak-anak. Jangan biarkan anak-anak kita terlalu bersosial tanpa bimbingan sewajarnya. Jangan biarkan telefon pintar menjadi guru yang membentuk nilai mereka. Ingatlah, gajet tanpa kawalan boleh menjadi racun kepada akhlak dan minda anak. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud :

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْإِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *“Ketahuilah, setiap kamu adalah pemimpin, kesemuanya bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin ke atas orang ramai dan dia bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya.”* (HR. al-Bukhari)

Oleh yang demikian, ibu bapa adalah pemimpin di rumah. Bimbinglah anak-anak dalam memilih kawan, menapis tontonan dan menetapkan had penggunaan peranti. Pastikan juga mereka tahu batas aurat, adab dalam bercakap serta bersosial secara sihat mengikut syariat. Peribahasa Melayu ada menyatakan *“Melentur buluh biarlah dari rebungnya”* yang membawa maksud, didikan awal dan pembentukan akhlak yang baik perlu diberikan sejak usia kanak-kanak lagi. Ini kerana, pada usia muda,

lebih mudah untuk membentuk akhlak dan tabiat. Jika dibiarkan sehingga menginjak dewasa, mungkin lebih sukar untuk mengubahnya.

Didiklah anak kita supaya berani **berkata tidak** kepada pengaruh negatif baik di rumah mahupun di luar rumah. Jadikan rumah sebagai pusat kasih sayang, menebar segala kebaikan bukannya medan tekanan. Jadikan juga rumah untuk tempat anak-anak mencari jawapan, bukannya meninggalkan mereka bersendirian.

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Sedarilah bahawa anak-anak adalah amanah dan cerminan kepada kedua ibu bapanya. Mereka adalah ladang pahala jika dibimbing dengan baik, sebaliknya pada mereka jugalah punca dosa jika tanggungjawab dalam mendidik mereka diabaikan.

Jangan sekadar mencari nafkah zahir, namun meninggalkan anak-anak miskin iman dan adab. Jangan terlalu sibuk dengan dunia, sehingga anak-anak dibesarkan dengan peranti serta hiburan semata. Jangan hanya pandai marah ketika mereka melakukan kesilapan, sedangkan kita sendiri gagal memberikan didikan.

Bermula dari rumah, dari lisan kita, dari akhlak kita, dari solat yang kita ajarkan, dari kasih sayang dan doa yang kita rafakkan, di situlah terbentuknya generasi soleh solehah. Jangan bertanggung, mulakanlah segera sehingga usia luput dijemput illahi. Ambillah iktibar daripada firman Allah SWT menerusi surah at-Tagabun, ayat 14-15:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ مِنْ أَرْوَاحِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَكُمْ فَاحْذَرُوهُمْ وَإِنْ تَعَفَّوْا
وَتَصَفَحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤﴾ إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ
أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu; oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka. Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.